

## **UEM Edgenta Anjur Majlis Rumah Terbuka Korporat**

*Majlis Rumah Terbuka "Indahnya Syukur Syawal" Rancak dengan Aktiviti*

**KUALA LUMPUR, 3 Mei** – Meraikan semangat kemasyarakatan dan kesyukuran, majlis rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri UEM Edgenta Berhad (UEM Edgenta), bertemakan "Indahnya Syukur Syawal" mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan menyaksikan lebih 2,000 tetamu hadir, terdiri daripada pelbagai pemegang kepentingan dan pelanggannya, termasuk dana kekayaan negara Malaysia, Khazanah Nasional Berhad.

Acara anjuran syarikat pengurusan asset bersepadu dan penyedia perkhidmatan infrastruktur terkemuka tersebut turut menampilkan bazar jualan, di mana usahawan tempatan memperkenalkan produk-produk mereka. Para tetamu berpeluang untuk melihat sendiri tawaran daripada *Brotani, Soul Soil, The Mok's*, dan vendor-vendor lain yang mengambil bahagian, sekaligus menyokong perniagaan kecil dan belia Malaysia. Bazar itu dijayakan melalui kerjasama UEM Edgenta dengan Penglipur Lara, yang terkenal dengan pemilihan jenama baru muncul tempatan melalui siri bazar *pop-up*nya.

Syarunizam Samsudin, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, UEM Edgenta, berkongsi, "Kami amat berbesar hati dengan kejayaan sambutan rumah terbuka tahun ini. Tema 'Indahnya Syukur Syawal' benar-benar merangkum semangat kesyukuran dan kebersamaan yang mentakrifkan Aidilfitri. Dalam kami meraikan sahabat dan kenalan, bazar berkenaan juga sebagai satu penghargaan terhadap kejayaan Syarikat yang direalisasikan melalui kerjasama dengan ekosistem vendor secara amnya."

Sebagai sebuah kesinambungan kemurahan hati Syarikat sepanjang bulan Ramadan, majlis rumah terbuka ini turut menyambut kehadiran anak-anak yatim dari *Pusat Jagaan Darul Sakinah Angkasa*, sekaligus menyebarkan kemeriahan Aidilfitri dan memupuk semangat keterangkuman dalam masyarakat.

"Membawa semangat penyayang daripada program CSR Ramadan kami yang dikenali sebagai '*Jalinan Kasih Edgenta*', kami terus mencipta pengalaman positif untuk Masyarakat secara amnya dan berbangga dapat mengeratkan silaturahim sepanjang Syawal sementara beraspirasasi untuk mencipta legasi yang mampan serta memberi impak belas kasihan dan sokongan," tambah Syahrunizam.

Sebelum majlis rumah terbuka utama pada sebelah petang, UEM Edgenta juga telah menganjurkan rumah terbuka khas bagi kakitangannya, di mana mereka berpeluang memperkenalkan bakat mereka dalam pertandingan bakat yang meriah. Acara ini memperkenalkan kreativiti dan perpaduan dalam Syarikat.

Dilihat beramah mesra dengan para tetamu semasa majlis rumah terbuka itu adalah Datuk Amran Hafiz Affifudin, Pengarah Eksekutif, Khazanah Nasional Berhad, Dato' Mohd Izani Ghani, Pengarah Urusan, UEM Group Berhad, dan Tan Sri Dr. Azmil Khalid, Pengerusi, UEM Edgenta. Turut hadir termasuk Anas Tahir dan Mawi dari Astro Radio, dan personaliti *podcast* semasa Khairy Jamaluddin dari siri *podcast* Keluar Sekejap.

UEM Edgenta merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir dan menyumbang kepada kejayaan acara tersebut. Kami berharap untuk terus meraikan kepelbagaian, perpaduan, dan semangat kemasyarakatan di masa hadapan.

Untuk maklumat lanjut berkenaan UEM Edgenta, layari <https://www.uemedgenta.com>.

-Tamat-

**Mengenai UEM Edgenta Berhad**

UEM Edgenta ([www.uemedgenta.com](http://www.uemedgenta.com)) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.

**APPENDIX 1 – ADDITIONAL INFORMATION**

**LIST OF BAZAAR VENDORS – *INDAHNYA SYUKUR SYAWAL OPEN HOUSE***

NO.	COMPANY / VENDOR NAME	DESCRIPTION
<b>RETAIL VENDORS</b>		
1.	Tia Fatihah Hijab	Women's shawls
2.	Gene For Skin	Skincare
3.	Madhubala Hastkala	Homemade bracelets
4.	Soul Soil	Potted plants
5.	Luna & The Dresses	Preloved blazers and boots
6.	Ruccimodisch	Women's Raya wear
7.	Jia Basics	
8.	Calista	
9.	Misslilyshop	
10.	Batik Ngesong	Batik bags
11.	Velvet Vanity	Beauty products
<b>F&amp;B VENDORS</b>		
12.	Dream Cream MY	Soft cookies <i>Kek batik</i>
13.	BakeWithAidan	Cakes
14.	The Moks by Kopi Ori	<i>Kopi</i> (local coffee) Sparkling tea Milk series
15.	Brotani	Fruit juices